

33 pasukan berentap rebut juara futsal IPT, hoki Masum

11/5/13 Star Harian

KUALA TERENGGANU – Sebanyak 33 pasukan berentap bagi merebut kejuaraan dua kejohanan iaitu Futsal Institut Pengajian Tinggi (IPT) Sirkuit 4, Zon Timur dan Karnival Hoki Lelaki, Divisyen 2, Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) yang bermula kelmarin.

Kejohanan yang berlangsung hampir seminggu itu menyaksikan Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) selaku tuan rumah di dua lokasi utama iaitu di padang futsal, Unisza dan padang hoki Batu Burok.

Bagi acara futsal, sebanyak 24 pasukan bertanding melibatkan 16 pasukan lelaki dan lapan pasukan wanita dengan menawarkan hadiah tunai keseluruhan berjumlah RM9,800 kepada pemenang.

Juara kejohanan bagi kategori Lelaki bakal membawa pulang wang tunai RM3,000, kedua RM2,000, ke-

tiga RM1,000 dan keempat RM500. Manakala johan kategori Wanita pula menerima RM1,500, kedua RM1,000, ketiga RM500 dan keempat RM300.

Bagi kejohanan hoki Masum pula, sebanyak sembilan pasukan telah memulakan saingan peringkat kumpulan yang dibahagikan kepada dua. Juara keseluruhan bakal menerima tunai RM1,500, kedua RM1,000, ketiga dan keempat masing-masing RM200.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Pemangku Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Unisza, Profesor Madya Dr Nik Wan Omar.

Hadir sama, Penolong Setiausaha 1, Masum, Mohamad Rafee Jusoh; Pendaftar Unisza, Nordin Jusoh dan Setiausaha Agung, Majlis Sukan Universiti Asian, Muhamad Mohd Hanif.

Antara pasukan yang bertanding

dalam kejohanan futsal termasuklah Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM); Politeknik Shah Alam (PSA); Kolej Poly Tech Mara Kota Bharu (KPTM KB); Universiti Malaysia Terengganu (UMT); Renaco; Universiti Teknikal Malaysia (UTeM); Kojel Komuniti Pahang (KK Pahang); Politeknik Muadzam Shah (PMS); Kolej Komuniti Kelantan (KK Kelantan); Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA); Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM); Unisza; Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (Polisas) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Kejohanan hoki pula disertai pasukan daripada UIAM; UMP; Universiti Teknaga Nasional (Uniten); UniSZA; UMT, Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM); UTeM; UKM dan Universiti Utara Malaysia (UUM).



Dr Nik Wan (kiri) menyampaikan cenderamata kepada pengurus pasukan Politeknik Kota Bharu pada Majlis Perasmian Kejohanan Futsal IPT dan Hoki Masum di Dewan Gimnasium Unisza, malam kelmarin.